

BERITA HARIAN, SABTU, 27 JUN, 1981

Apa boleh jadi bila pekerja terlampau dimanjakan...

"ORANG Melayu yang tidak sanggup sedikit pun menghadapi cabaran bukan sahaja akan menjadi lemah tapi akan menjadi orang yang sukar menerima sebarang arahan dan disiplin.

"Ini dapat kita lihat dari kejadian di Britain dimana Kesatuan Bekerja telah menjadi begitu kuat sehingga pekerja tidak lagi indah kepada seselapa, baik penyelia mereka atau majikan atau negara. Akibatnya, ialah perusahaan di Britain dan ekonominya sudah menjadi begitu merosot. Dari sebuah negara yang terkenal kerana kualiti dan luasnya pengedaran barang buaatannya, Britain sudah jadi sebuah negara yang kualiti barangnya tidak terjamin dan bekalan tidak boleh diharap."

Begitulah kata Datuk Seri Dr. Mahathir dalam ucapan yang sama, seperti tersiar di Utusan Melayu Jun 26, 1981.

* * *

Komen Penulis:

Sebagai ganti kepada komen biasa, penulis mencatitkan sebuah berita dari "Bangkok Post," Jun 14:

Sir Terence Becket, Ketua "Confederation of British Industry" menggesa supaya Kerajaan British menyekat import barangan buatan Jepun. Setelah mengadakan rundingan dengan Menteri Perdagangan British Mr. John Biffen, Sir Terence berkata melalui TV bahawa beliau amat terperanjat melihat kamera yang digunakan oleh jurugambar TV adalah kamera buatan "Sony" dan alat rakaman suara adalah jua keluaran syarikat "Sony". Dan di atas segala-galanya, tambah Sir Terence, "messenger" yang berkejar ke studio TV adalah menonggang motosikal buatan Jepun. (Dan boleh jadi jam tangan yang dipakai oleh Menteri Perdagangan sendiri adalah buatan "Seiko")

(Nota: Satu ilustrasi klasik yang menunjukkan nasib perindustrian sesebuah negeri bila para pekerjaanya menjadi malas dan angkuh, setelah terlampau sangat "dimanjakan".)